

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30/08/2017B

'Andai masih bernafas, Tun Razak pasti kecewa'

➔ Sultan Nazrin ajak rakyat hayati semangat pengorbanan, wawasan bekas PM bentuk perpaduan kaum

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

"Andai masih bernafas, Tun Abdul Razak pastinya akan kecewa dan ralat melihat empat senario yang sedang berlaku di dalam negara."

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muazzuddin Shah, bertitah demikian menerusi pengamatan baginda terhadap perkembangan semasa tanah air.

Baginda bertitah, senario pertama merujuk kepada perpaduan warga yang mana Abdul Razak menyatakan masa depan negara

bergantung kepada perpaduan rakyat.

Namun kini, titah Sultan Nazrin, dalam keghairahan mahu mendapat sokongan, parti politik melibatkan semakin cenderung memilih untuk menyalakan bara seriasi isu agama dan perkauman.

Peranan penting sekolah

Sultan Perak bertitah, Abdul Razak turut menggariskan peranan penting sekolah dalam memupuk perpaduan rakyat melalui aliran pengajian kebangsaan menerusi Dasar Pelajaran Kebangsaan yang terkandung dalam Pernyataan Razak.

"Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kini dilihat semakin gagal memenuhi matlamat untuk



Sultan Nazrin melancarkan buku *Fulfilling A Legacy* - Tun Razak Foundation sambil diperhatikan Hanif dan Shahreen di Kuala Lumpur, semalam.

sekolah berperanan sebagai taman asuhan menyatupadukan warganya.

"Generasi muda pelbagai kaum yang melalui pelbagai aliran persekolahan, tidak akan berpeluang berinteraksi dan saling mengenali, sebaliknya membesar secara berasingan dalam kelompok kaum masing-masing," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika melancarkan buku *Fulfilling A Legacy - Tun Razak Foundation* terbitan Yayasan Tun Razak (YTR) hasil tulisan Shahreen Kamaluddin di sini, semalam.

Majlis turut dihadiri Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; bahu Abdul Razak, Tun Rahah Mohd Noah; Pengerusi Lembaga Pe-

megang Amanah YTR, Tun Hanif Omar dan Canselor Universiti Tun Abdul Razak, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Ketirisan pegangan ekonomi Bumiputera

Sultan Nazrin bertitah, senario ketiga akan dikesali Abdul Razak ialah pelbagai gelinciran daripada landasan sebenar pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), terutama penyalahgunaan peluang pembahagian kekayaan.

Titah baginda, ia mengakibatkan ketirisan pegangan ekonomi Bumiputera secara besar-besaran yang bukan sahaja menyetoskan salah faham Bumiputera yang mengangapnya pilih kasih, malah

juga kemarahan kalangan bukan Bumiputera.

"Keempat, berkaitan rasuah dan integriti. Hati Tun Abdul Razak pasti luluh mengukuti pendedahan demi pendedahan, tangkapan demi tangkapan kerana rasuah secara besar-besaran, membabitkan penjawat tinggi dan individu terpelajar dengan jumlah yang banyak serta mencalar nama baik negara bangsa," titah baginda.

Sultan Perak mengajak rakyat menghayati wawasan dan semangat pengorbanan Abdul Razak serta berdoa supaya wawasan dan semangat pengorbanan bekas Perdana Menteri itu tidak akan padam dari minda dan hati rakyat.

BH- 30/8/2017
B3-8